

## **Konsep Kesahan**

**Rosly Bin Kayar**

### **Bagaimana Mendapatkan Kesahan**

Terdapat 6 cara yang boleh digunakan dalam mengukur kesahan self-esteem. Enam perkara tersebut ialah;

1. Tentukan konsep self-esteem yang hendak diuji.
2. Membina item soalan kajiselidik.
3. Pilihan jawapan
4. Menggunakan Jadual Penentu Ujian
5. Kiraan statistik
6. Skor Kesahan

### **Tentukan Konsep Self-Esteem Yang Hendak Diuji**

Bagi mendapatkan kesahan dalam pengukuran konsep self-esteem pengkaji harus menentukan konsep self-esteem yang hendak diuji. Konsep itu mestilah menjadi topik utama yang akan diuji. Dengan itu pengkaji akan dapat menentukan apakah instrument lain yang akan digunakan bagi menguji konsep yang ditentukan. Konsep self-esteem yang hendak diukur itu mestilah jelas dan kesemua soal selidik yang dibina mestilah menjurus ke arah konsep yang diuji.

Sesuatu konsep yang hendak diuji hanya sah untuk konsep dan situasi itu sahaja dan tidak boleh diguna untuk meramal masa akan datang. Contohnya; Jika sesuatu kajian itu bertujuan untuk mengkaji konsep sendiri di kalangan pelajar tingkatan 4 di sekolah A, Kesahan kajian ini hanya boleh digunakan untuk pelajar tingkatan 4 di sekolah A sahaja, kerana sampel kajian hanya diambil di sekolah A sahaja. Begitu juga jika soal selidik dilakukan dengan mengambil contoh secara rawak beberapa buah sekolah di sesuatu daerah maka hasil kajian hanya merujuk kepada daerah itu sahaja dan tidak boleh diguna bagi memberikan penilaian terhadap daerah lain. Oleh itu, jika pengkaji ingin menguji di daerah lain maka instrument kajian perlu ditentukan berdasarkan kesesuaian situasi tempat dan sampel yang hendak diuji.